

24/03/1997

## Usaha Malaysia diiktiraf

Hafifi Hafidz in Riyadh

RIYADH, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, usaha Malaysia membangun dan meningkatkan syiar Islam mendapat pengiktirafan tinggi di peringkat antarabangsa.

Menurut Perdana Menteri, dunia Islam hari ini akur bahawa pembangunan material di Malaysia tidak langsung mengabaikan tuntutan agama Allah itu.

Memberi jaminan bahawa kerajaan akan tetap mengimbangi tuntutan ritual dan material dalam pembangunan, Dr Mahathir mahu rakyat jangan terlalu fanatik sehingga sanggup menuduh apa yang dilakukan oleh kerajaan sekarang adalah sekular.

"Dari dalam dan luar, ada pihak selalu dan mudah membuat tuduhan apa yang kita lakukan itu sekular sedangkan mereka sendiri tidak faham apa itu sekular.

"Fikiran dan hati mereka ini tertutup. Jika kita jelaskan kepada mereka pun, kita membazir (masa). Mereka boleh tuduh tetapi yang tentukan ialah Allah SWT. Kita percaya apa yang kita buat adalah baik," katanya pada sidang akhbar selepas menerima Anugerah Antarabangsa Raja Faisal 1997 di Pusat Al-Khozama di sini, malam tadi.

Anugerah itu disampaikan oleh wakil Raja Fahd, Putera Sultan Abdul Azizi Al-Saud, yang juga Timbalan Perdana Menteri Kedua, Arab Saudi.

Perdana Menteri dipilih kerana memberi sumbangan besar kepada perkembangan Islam di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

Antaranya ialah mewujudkan institusi budaya dan ekonomi berteraskan Islam di Malaysia termasuk penubuhan Universiti Islam Antarabangsa, Pusat Islam, Bank Islam Malaysia dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia.

Beliau juga terpilih memenangi anugerah ini kerana berjaya memperkenalkan dasar yang mampu merapatkan hubungan serta kerjasama kalangan rakyat Malaysia beragama Islam dan bukan Islam.

Perdana Menteri menerima sijil penghargaan yang tertulis dengan setiap kejayaannya, medal emas 200 gram 22 karat dan wang SR750,000 (RM500,000).

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Ditanya mengenai perasaannya menerima anugerah bertaraf dunia itu, Dr Mahathir berkata beliau berasa bangga dan terhormat.

"Sedikit sebanyak ia menyatakan bahawa apa yang kita buat untuk agama Islam di Malaysia mendapat pengiktirafan.

"Mereka memberi pengiktirafan itu kerana Malaysia tetap berpegang kepada agama walaupun pembangunan dilakukan. Kita tetap mengimbangi ritual dan material," katanya ketika ditanya apakah signifikannya anugerah itu kepada Malaysia.

Dr Mahathir yakin orang Islam di Malaysia akan menjadi ikutan jika setiap tindakan yang dilakukan tidak keterlaluan, taksub dan bersifat assabiyah.

Katanya, Islam yang dibawa ke Malaysia diterima kerana semua mereka datang dengan memiliki sifat yang baik dan terpuji sehingga dapat menambat hati orang Melayu untuk memeluknya.

"Tetapi dengan adanya orang Islam hari ini yang daif, tidak berpengetahuan, suka berkelahi, berperang dan tidak tahu langsung hal dunia, kita tidak akan menjadi contoh dan ikutan," katanya.

Dr Mahathir berkata kedatangan Islam adalah untuk menjadi ubat kepada penyakit yang dihadapi oleh umat zaman jahiliah yang bertindak hanya kerana taksub dengan kabilah mereka.

(END)